(A)	government participant	3,000.00	not applicable
(B)	non governmental organization	3,000.00	not applicable
(C)	private participant	5,000.00	not applicable
(D)	international participant	not applicable	19,000.00
(ii)	two days (not more than 30 participants)		
(A)	government participant	5,000.00	not applicable
(B)	non governmental organization	5,000.00	not applicable

(1)		(2)	
<i>Service</i>		<i>Citizen and permanent resident</i>	<i>Foreign person</i>
		(RM)	(RM)
	(C) private participant	7,000.00	not applicable
	(D) international participant	not applicable	26,600.00
(iii)	three days (not more than 30 participants)		
	(A) government participant	7,000.00	not applicable
	(B) non governmental organization	7,000.00	not applicable
	(C) private participant	9,000.00	not applicable
	(D) international participant	not applicable	34,200.00
(iv)	four days		
	(A) government participant	9,000.00	not applicable
	(B) non governmental organization	9,000.00	not applicable
	(C) private participant	11,000.00	not applicable
	(D) international participant	not applicable	41,800.00

3. Seminar (registration fee)

(a) one day

(i)	government participant	20.00 per person	40.00 per person
(ii)	non governmental organization	20.00 per person	40.00 per person
(iii)	public participant	20.00 per person	40.00 per person
(iv)	private participant	30.00 per person	60.00 per person
(v)	student from institute of higher learning	10.00 per person	20.00 per person
(vi)	school student	free	10.00 per person

(b) public seminar

(i)	government participant	70.00 per person	90.00 per person
(ii)	non governmental organization	70.00 per person	90.00 per person
(iii)	public participant	70.00 per person	90.00 per person
(iv)	private participant	90.00 per person	120.00 per person
(v)	student from institute of higher learning	50.00 per person	70.00 per person
(vi)	school student	free	30.00 per person

	(1)	(2)	
	<i>Service</i>	<i>Citizen and permanent resident (RM)</i>	<i>Foreign person (RM)</i>
(c)	professional seminar or conference		
	(i) two days		
	(A) government participant	250.00 per person	500.00 per person
	(B) non governmental organization	250.00 per person	500.00 per person
	(C) public participant	250.00 per person	500.00 per person
	(D) private participant	300.00 per person	600.00 per person
	(E) student from institute of higher learning	150.00 per person	250.00 per person
	(ii) three days		
	(A) government participant	400.00 per person	700.00 per person
	(B) non governmental organization	400.00 per person	700.00 per person
	(C) public participant	400.00 per person	700.00 per person
	(D) private participant	500.00 per person	1,000.00 per person
	(E) student from institute of higher learning	300.00 per person	600.00 per person
4.	Consultancy and advisory		
	(a) government participant	free	not applicable
	(b) non governmental organization (non profit)	free	not applicable
	(c) non government organization (profit making)	200.00 per hour	not applicable
	(d) private participant	300.00 per hour	not applicable
	(e) student from institute of higher learning	free	free
5.	Research		
	(a) cost less than RM100,000.00	15% of the total research cost	30% of the total research cost
	(b) cost more than RM100,000.00	10% of the total research cost	20% of the total research cost

PART IV
POPULATION

(1)		(2)	
<i>Service</i>		<i>Citizen and permanent resident</i>	<i>Foreign person</i>
		(RM)	(RM)
1. Training or workshop			
(a) Package for individual			
(i)	one day	300.00	600.00
(ii)	two days	600.00	1,200.00
(iii)	three days	900.00	1,800.00
(iv)	four days	1,200.00	2,400.00
(b) Package for organization			
(i)	one day (not more than 30 participants)		
	(A) government participant	3,000.00	not applicable
	(B) non governmental organization	3,000.00	not applicable
	(C) private participant	5,000.00	not applicable
	(D) international participant	not applicable	19,000.00
(ii)	two days (not more than 30 participants)		
	(A) government participant	5,000.00	not applicable
	(B) non governmental organization	5,000.00	not applicable
	(C) private participant	7,000.00	not applicable
	(D) international participant	not applicable	26,600.00
(iii)	three days (not more than 30 participants)		
	(A) government participant	7,000.00	not applicable
	(B) non governmental organization	7,000.00	not applicable
	(C) private participant	9,000.00	not applicable
	(D) international participant	not applicable	34,200.00
(iv)	four days		
	(A) government participant	9,000.00	not applicable
	(B) non governmental organization	9,000.00	not applicable
	(C) private participant	11,000.00	not applicable
	(D) international participant	not applicable	41,800.00
2. Seminar (registration fee)			
(a) One day			
(i)	government participant	20.00 per person	40.00 per person
(ii)	non governmental organization	20.00 per person	40.00 per person

(1)		(2)	
<i>Service</i>		<i>Citizen and permanent resident</i>	<i>Foreign person</i>
		(RM)	(RM)
(iii)	public participant	20.00 per person	40.00 per person
(iv)	private participant	30.00 per person	60.00 per person
(v)	student from institute of higher learning	10.00 per person	20.00 per person
(vi)	school student	free	10.00 per person
<i>(b) One day public seminar</i>			
(i)	government participant	70.00 per person	90.00 per person
(ii)	non governmental organization	70.00 per person	90.00 per person
(iii)	public participant	70.00 per person	90.00 per person
(iv)	private participant	90.00 per person	120.00 per person
(v)	student from institute of higher learning	50.00 per person	70.00 per person
(vi)	school student	free	30.00 per person
<i>(c) Professional seminar or conference</i>			
<i>(i) two days</i>			
(A)	government participant	250.00 per person	500.00 per person
(B)	non governmental organization	250.00 per person	500.00 per person
(C)	public participant	250.00 per person	500.00 per person
(D)	private participant	300.00 per person	600.00 per person
(E)	student from institute of higher learning	150.00 per person	250.00 per person
<i>(ii) three days</i>			
(A)	government participant	400.00 per person	700.00 per person
(B)	non governmental organization	400.00 per person	700.00 per person
(C)	public participant	400.00 per person	700.00 per person
(D)	private participant	500.00 per person	1,000.00 per person
(E)	student from institute of higher learning	300.00 per person	600.00 per person

(1) <i>Service</i>	(2)	
	<i>Citizen and permanent resident</i> (RM)	<i>Foreign person</i> (RM)
3. Consultancy and advisory		
(a) government participant	free	not applicable
(b) non governmental organization (non-profit)	free	not applicable
(c) non governmental organization (profit-making)	200.00 per hour	not applicable
(d) private participant	300.00 per hour	not applicable
(e) student from local institute of higher learning	free	free
4. Research		
(a) Cost less than RM100,000.00	15% of the total research cost	30% of the total research cost
(b) Cost more than RM100,000.00	10% of the total research cost	20% of the total research cost

PART V

PRODUCT

(1) <i>Service</i>	(2)	
	<i>Citizen and permanent resident</i> (RM)	<i>Foreign person</i> (RM)
1. Guide book		
(a) less than 50 pages	25.00	50.00
(b) more than 50 pages	50.00	100.00
2. Research report		
(a) less than 50 pages	50.00	100.00
(b) more than 50 pages	70.00	140.00
3. Booklet	10.00	20.00
4. Information book	35.00	70.00
5. Technical paper or monograph	10.00	20.00
6. Journal	20.00	40.00

(1) <i>Service</i>	(2)	
	<i>Citizen and permanent resident</i> (RM)	<i>Foreign person</i> (RM)
7. Module	500.00	1,000.00
8. Information search	10.00	20.00
9. Media product (visual)		
(a) government department and non-governmental organization (non-profit)	300.00 per minute	600.00 per minute
(b) private and non governmental organization (profit making)	500.00 per minute	1,000.00 per minute
10. Photograph		
(a) government department and non-governmental organization (non-profit)		
(i) 4R	100.00 per print	200.00 per print
(ii) 8R	200.00 per print	400.00 per print
(iii) 12R	300.00 per print	600.00 per print
(b) private and non-governmental organization (profit making)		
(i) 4R	300.00 per print	600.00 per print
(ii) 8R	400.00 per print	800.00 per print
(iii) 12R	500.00 per print	1,000.00 per print
(c) digital print (with compact disk)		
(i) government department and non-governmental organization (non-profit)	100.00 per piece	200.00 per piece
(ii) private and non-governmental organization (profit making)	300.00 per piece	600.00 per piece

Made 9 April 2008

[LPPKN/S/01/7 Jld. 2; PN(PU²)659/II]

DATO' DR. NG YEN YEN
Minister of Women, Family and Community Development

P.U. (A) 143.**AKTA KASTAM 1967****PERINTAH KASTAM (NILAI-NILAI) (MINYAK MENTAH PETROLEUM)
(No. 10) 2008**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Nilai-Nilai) (Minyak Mentah Petroleum) (No. 10) 2008** dan hendaklah mula berkuat kuasa bagi tempoh 8 Mei 2008 hingga 21 Mei 2008.

Pemungutan dan pembayaran duti kastam

2. Bagi maksud pemungutan dan pembayaran duti-duti kastam, menurut peruntukan-peruntukan Perintah Duti Kastam 1996 [*P.U. (A) 15/1996*], nilai bagi tiap-tiap satu barang berduti yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual mengikut unitnya yang tersebut dalam ruang (3) hendaklah nilai yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual tersebut.

CUSTOMS ACT 1967**CUSTOMS (VALUES) (CRUDE PETROLEUM OIL) (No. 10)
ORDER 2008**

IN exercise of the powers conferred by section 12 of the Customs Act 1967 [*Act 235*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. This order may be cited as the **Customs (Values) (Crude Petroleum Oil) (No. 10) Order 2008** and shall have effect for the period from 8 May 2008 to 21 May 2008.

Levy and payment of customs duties

2. For the purpose of the levy and payment of customs duties, in accordance with the provisions of the Customs Duties Order 1996 [*P.U. (A) 15/1996*], the value of each of the dutiable goods specified in columns (1) and (2) of the Schedule in respect of the unit thereof mentioned in column (3) of the Schedule shall be the value specified in column (4) of the said Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

Barang (Goods)	Subkepala (Subheading)	Unit (Unit)	Nilai (Value)
(1)	(2)	(3)	(4)
PETROLEUM OILS AND OILS OBTAINED FROM BITUMINOUS MINERALS, CRUDE:			
Tapis Blend	2709.00.100	per barrel	RM327.65
Labuan Crude	2709.00.100	per barrel	RM327.65
Miri Light Crude	2709.00.100	per barrel	RM327.65
Dulang	2709.00.100	per barrel	RM326.71
Bintulu Crude	2709.00.100	per barrel	RM326.71
Terengganu Condensate	2709.00.900	per barrel	RM323.90
Bintulu Condensate	2709.00.900	per barrel	RM324.21
Masa	2709.00.100	per barrel	RM327.65
Asam Paya	2709.00.100	per barrel	RM327.71
Kidurong	2709.00.100	per barrel	RM329.84
Penara Blend	2709.00.100	per barrel	RM308.90
Minyak Mentah Fairley Baram	2709.00.100	per barrel	RM274.19
Cakerawala Condensate	2709.00.900	per barrel	RM295.78
Angsi Crude	2709.00.100	per barrel	RM323.59
Cendor Crude	2709.00.100	per barrel	RM327.65
Abu Blend	2709.00.100	per barrel	RM304.22
Kikeh Crude	2709.00.100	per barrel	RM324.68

Dibuat 2 Mei 2008

Made 2 May 2008

[KE. HT(34.11)819/01-1/Klt. 10/(10); R.9003/54z-40;
PN(PU²)338/VIII/Klt. 4(10)]

Dengan arahan Menteri Kewangan.

By direction of the Minister of Finance.

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan/

On behalf and in the name of the Minister of Finance

DATUK AZIYAH BINTI BHAUDDIN

Setiausaha

Bahagian Analisa Cukai

P.U. (A) 144.

**AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT
MALAYSIA 2005**

**PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT
MALAYSIA (SISTEM PREMIUM BERBEZA) 2008**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pengemukaan maklumat kuantitatif kepada Perbadanan
4. Taksiran dan pemutusan pemarkahan, kategori premium dan kadar premium
5. Kegagalan mengemukakan maklumat kuantitatif
6. Pemberitahuan pemarkahan, kategori premium dan kadar premium oleh Perbadanan
7. Pembayaran premium
8. Permohonan untuk semakan semula kepada Perbadanan
9. Semakan semula oleh Perbadanan
10. Pemberitahuan keputusan semakan semula
11. Kategori premium bagi institusi anggota baru
12. Peralihan kepada sistem premium berbeza

JADUAL

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2005

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
(SISTEM PREMIUM BERBEZA) 2008

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 [*Akta 642*], Perbadanan membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza) 2008**.

(2) Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa pada tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“institusi anggota baru” ertinya suatu institusi kewangan yang disifatkan menjadi institusi anggota menurut subseksyen 37(2) Akta bagi tempoh 12 bulan atau kurang, yang tempoh itu berakhir pada 31 Disember tahun taksiran pertamanya tetapi tidak termasuk—

- (a) suatu bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 [*Akta 276*] yang berasal daripada suatu institusi kewangan yang menjalankan suatu perniagaan perbankan Islam atau perniagaan kewangan Islam di bawah seksyen 124 Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*];
- (b) suatu institusi anggota digabung sebagaimana yang diperihalkan dalam subperenggan 14(2) Jadual; dan
- (c) suatu institusi anggota yang bergabung sebagaimana yang diperihalkan dalam subperenggan 14(3) Jadual.

“taraf pengawasan” ertinya suatu perkadaran atau pentaksiran suatu institusi anggota oleh Bank Negara Malaysia menurut perenggan 67(b) Akta.

Pengemukakan maklumat kuantitatif kepada Perbadanan

3. (1) Suatu institusi anggota, selain suatu institusi anggota baru dalam tahun taksirannya yang pertama dan kedua, hendaklah mengemukakan kepada Perbadanan pada atau sebelum 30 April bagi setiap tahun taksiran, maklumat kuantitatif sebagaimana yang dikehendaki oleh Perbadanan bagi maksud menghitung nisbah institusi anggota itu menurut peruntukan Jadual.

(2) Jika suatu institusi anggota menjalankan perniagaan perbankan Islam atau perniagaan kewangan Islam sebagai tambahan kepada perniagaan berlesennya, institusi anggota itu hendaklah mengemukakan maklumat kuantitatif yang berasingan bagi perniagaan perbankan Islam atau perniagaan kewangan Islam, dan perniagaan berlesen institusi anggota itu.

(3) Maklumat kuantitatif yang dikehendaki di bawah peraturan hendaklah dikemukakan mengikut cara yang ditentukan oleh Perbadanan.

Taksiran dan keputusan pemarkahan, kategori premium dan kadar premium

4. (1) Bagi setiap tahun taksiran, apabila menerima maklumat kuantitatif yang dikehendaki di bawah peraturan 3, Perbadanan—

- (a) hendaklah mentaksirkan dan memutuskan pemarkahan bagi suatu institusi anggota bagi tahun taksiran itu menurut pemarkahan yang dinyatakan dalam Jadual;
- (b) hendaklah memutuskan kategori premium yang institusi anggota itu dikelaskan bagi tahun taksiran itu berdasarkan kriteria kuantitatif, kriteria kualitatif dan pemarkahan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual; dan
- (c) hendaklah memutuskan kadar premium yang terpakai bagi institusi anggota itu bagi tahun taksiran itu menurut Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Tahunan dan Premium Pertama) 2008 [*P.U. (A) 145/2008*].

(2) Jika suatu institusi anggota menjalankan perniagaan perbankan Islam atau perniagaan kewangan Islam sebagai tambahan kepada perniagaan berlesennya—

- (a) Perbadanan hendaklah mentaksir dan memutuskan pemarkahan bagi perniagaan perbankan Islam atau perniagaan kewangan Islam, dan perniagaan berlesen bagi institusi anggota tersebut secara berasingan; dan
- (b) Perbadanan boleh mengelaskan institusi anggota itu sama ada dalam kategori premium yang sama atau kategori premium yang berlainan berkenaan dengan deposit Islam dan deposit konvensional yang diletakkan dengan institusi anggota itu.

(3) Melainkan jika suatu permohonan semakan semula dibuat oleh suatu institusi anggota itu di bawah peraturan 8, apa-apa keputusan Perbadanan berkenaan dengan apa-apa pemarkahan, pengelasan kategori premium atau kadar premium bagi institusi anggota itu adalah muktamad.

Kegagalan mengemukakan maklumat kuantitatif

5. Jika suatu institusi anggota gagal untuk mengemukakan kepada Perbadanan apa-apa maklumat kuantitatif yang dikehendaki di bawah peraturan 3 pada atau sebelum 30 April bagi suatu tahun taksiran, Perbadanan hendaklah membuat

apa-apa taksiran dan keputusan pemarkahan, kategori premium dan kadar premium institusi anggota itu bagi tahun taksiran itu menurut peraturan 4 dengan menggunakan apa-apa maklumat yang berkaitan yang ada pada Perbadanan.

Pemberitahuan pemarkahan, kategori premium dan kadar premium oleh Perbadanan

6. Perbadanan hendaklah memberitahu suatu institusi anggota mengenai pemarkahan, kategori premium dan kadar premium institusi anggota itu bagi suatu tahun taksiran itu pada atau sebelum 15 Mei setiap tahun taksiran.

Pembayaran premium

7. (1) Premium tahunan yang kena dibayar oleh suatu institusi anggota bagi setiap tahun taksiran hendaklah dibayar kepada Perbadanan pada atau sebelum 31 Mei tahun taksiran itu.

(2) Walau apa pun apa-apa jua peruntukan lain dalam Peraturan-Peraturan ini, amaun premium pertama atau premium tahunan yang kena dibayar oleh suatu institusi anggota bagi mana-mana tahun taksiran hendaklah tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit.

Permohonan untuk semakan semula kepada Perbadanan

8. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), suatu institusi anggota yang terkilan dengan apa-apa keputusan Perbadanan yang diberitahu di bawah peraturan 6 boleh memohon untuk semakan semula secara bertulis selepas 31 Mei tetapi sebelum 1 September tahun taksiran itu.

(2) Suatu permohonan untuk semakan semula di bawah subperaturan (1) hanya boleh dibuat atas alasan yang berikut:

- (a) terdapat suatu kesilapan dalam maklumat kuantitatif yang dikemukakan oleh institusi anggota itu kepada Perbadanan di bawah peraturan 3;
- (b) terdapat suatu kesilapan dalam penghitungan oleh Perbadanan akan apa-apa nisbah institusi anggota itu; atau
- (c) terdapat suatu kesilapan dalam pentaksiran oleh Perbadanan akan faktor kriteria kualitatif, selain taraf pengawasan, di bawah perenggan 7 Jadual.

Semakan semula oleh Perbadanan

9. (1) Selepas semakan semula, Perbadanan boleh mengklasifikasi semula kategori premium suatu institusi anggota bagi tahun taksiran itu dan dalam hal itu, kadar premium terpakai bagi institusi anggota itu hendaklah disemak semula sewajarnya.

(2) Jika Perbadanan memutuskan terdapat perbezaan amaun apa-apa premium yang kena dibayar oleh suatu institusi anggota, institusi anggota itu hendaklah membayar kepada Perbadanan, atau Perbadanan hendaklah membayar balik atau selainnya mengkredit ke dalam akaun institusi anggota itu, perbezaan amaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Apa-apa keputusan Perbadanan ke atas suatu semakan semula berkenaan dengan institusi anggota adalah muktamad.

Pemberitahuan keputusan bagi semakan semula

10. Perbadanan hendaklah memberitahu keputusannya terhadap semakan semula yang dibuat oleh suatu institusi anggota pada atau sebelum 30 September tahun taksiran itu atau pada apa-apa tarikh lain yang sesuai bagi Perbadanan.

Kategori premium bagi institusi anggota baru

11. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain dalam Peraturan-Peraturan ini, suatu institusi anggota baru hendaklah dikelaskan dalam kategori premium 1 bagi tahun taksiran pertama dan hendaklah membayar premium pertama menurut subseksyen 42(3) Akta.

(2) Suatu Institusi anggota baru hendaklah dikelaskan dalam kategori premium 1 bagi tahun taksiran keduanya dan hendaklah membayar premium tahunan kepada Perbadanan pada atau sebelum 31 Mei tahun taksiran itu.

Peralihan kepada sistem premium berbeza

12. Bagi tahun taksiran yang bermula pada 1 Januari 2008 dan berakhir pada 31 Disember 2008 sahaja—

- (a) bagi maksud subperaturan 3(1) dan peraturan 5, tarikh bagi apa-apa maklumat kuantitatif kepada Perbadanan adalah pada atau sebelum 30 April 2008;
- (b) bagi maksud peraturan 6, tarikh pemberitahuan oleh Perbadanan kepada institusi anggota adalah pada atau sebelum 15 Mei 2008;
- (c) bagi maksud peraturan 7, tarikh bagi pembayaran premium tahunan adalah pada atau sebelum 31 Mei 2008;
- (d) bagi maksud peraturan 8, tarikh bagi suatu permohonan semakan semula adalah selepas 31 Mei 2008 tetapi sebelum 1 September 2008;
- (e) bagi maksud peraturan 10, tarikh bagi pemberitahuan keputusan semakan semula oleh Perbadanan adalah pada atau sebelum 30 September 2008;

- (f) jumlah pemarkahan bagi kriteria kuantitatif berkenaan dengan suatu institusi anggota, selain suatu institusi anggota baru, hendaklah diselaraskan secara menaik sehingga dua puluh peratus daripada jumlah markah itu tetapi tidak boleh dalam apa-apa keadaan melebihi enam puluh; dan
- (g) kadar premium yang terpakai bagi kategori premium 3 yang diputuskan menurut perenggan 4(1)(c) hendaklah juga terpakai bagi kategori premium 4.

JADUAL

[Peraturan 2, 3, 4 dan 8]

Tafsiran

1. Dalam Jadual ini—

“jumlah aset”, berhubung dengan suatu nisbah aset berwajaran risiko kepada jumlah aset atau suatu nisbah jumlah pertumbuhan aset, ertinya jumlah aset dalam kunci kira-kira dan nilai kredit yang bersamaan dengan nilai di luar kunci kira-kira suatu institusi anggota;

“keuntungan” ertinya keuntungan atau kerugian sebelum cukai dan zakat suatu institusi anggota;

“pinjaman” berhubung dengan suatu institusi anggota yang memberi apa-apa kemudahan kredit konvensional ertinya apa-apa kemudahan kredit konvensional dan berhubung dengan suatu institusi anggota yang memberi apa-apa kemudahan pembiayaan Islam ertinya kemudahan pembiayaan Islam.

Kriteria kuantitatif

2. Kriteria kuantitatif bagi suatu institusi anggota hendaklah mengambil kira faktor berhubung dengan modal, keuntungan, keefisienan, dan aset kualiti, penumpuan serta pertumbuhan institusi anggota itu sebagaimana yang diukur oleh nisbah yang berikut:

- (a) nisbah modal berwajaran risiko;
- (b) nisbah modal teras;
- (c) pulangan atas aset berwajaran risiko;
- (d) min volatiliti pulangan yang dilaraskan;
- (e) nisbah keefisienan;
- (f) nisbah pinjaman tidak berbayar bersih terhadap modal asas;
- (g) nisbah pinjaman tidak berbayar kasar dan pinjaman tertunggak terhadap pinjaman kasar;
- (h) nisbah agregat penumpuan aset mengikut sektor;
- (i) nisbah penumpuan aset harta kediaman;
- (j) nisbah aset berwajaran risiko terhadap jumlah aset; dan
- (k) nisbah jumlah pertumbuhan aset.

Maklumat bagi menghitung nisbah

3. Bagi setiap tahun taksiran, penghitungan setiap nisbah hendaklah berdasarkan maklumat kewangan suatu institusi anggota setakat 31 Disember tahun taksiran sebelumnya.

Penghitungan dan pemarkahan nisbah

4. Nisbah yang dinyatakan dalam ruang (1) bagi suatu institusi anggota hendaklah dihitung mengikut formula yang dinyatakan dalam ruang (2), dan jika nisbah itu termasuk dalam julat hasil yang dinyatakan dalam ruang (3), pemarkahan yang diberi kepada nisbah itu hendaklah yang bersesuaian dengan markah yang dinyatakan dalam ruang (4), seperti yang berikut:

<i>Nisbah</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Julat hasil</i> (3)	<i>Markah</i> (4)
Nisbah modal berwajaran risiko	$\frac{A}{B} \times 100\%$ jika, berhubung dengan suatu institusi anggota, A adalah modal asas, dan B adalah jumlah aset berwajaran risiko	$\geq 12\%$ $\geq 10\%$ tetapi $< 12\%$ $\geq 8\%$ tetapi $< 10\%$ $< 8\%$	10 6 3 0
Nisbah modal teras	$\frac{A}{B} \times 100\%$ jika, berhubung dengan suatu institusi anggota, A adalah modal teras, dan B adalah jumlah aset berwajaran risiko	$\geq 8\%$ $\geq 6\%$ tetapi $< 8\%$ $\geq 4\%$ tetapi $< 6\%$ $< 4\%$	10 6 3 0
Pulangan atas aset berwajaran risiko	$\frac{A}{B} \times 100\%$ jika, berhubung dengan suatu institusi anggota, A adalah keuntungan, dan B adalah purata aset berwajaran risiko	$\geq 3.25\%$ $\geq 2.5\%$ tetapi $< 3.25\%$ $\geq 1.75\%$ tetapi $< 2.5\%$ $\geq 1\%$ tetapi $< 1.75\%$ $< 1\%$	8 6 4 2 0
Min volatiliti pulangan yang dilaraskan	$\frac{A}{B}$ jika, berhubung dengan suatu institusi anggota, A adalah sisihan piawai separa keuntungan bagi tempoh tiga tahun, dan B adalah min keuntungan bagi tempoh yang sama	≥ 0 tetapi ≤ 0.3 > 0.3 tetapi ≤ 0.7 > 0.7 ≤ 0	7 4 0 0
Nisbah keefisienan	$\frac{A}{B} \times 100\%$ jika, berhubung dengan suatu institusi anggota, A adalah perbelanjaan overhead, dan B adalah jumlah pendapatan	$\leq 35\%$ $> 35\%$ tetapi $\leq 45\%$ $> 45\%$	5 3 0

<i>Nisbah</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Julat hasil</i> (3)	<i>Markah</i> (4)
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih terhadap modal asas	$\frac{A}{B} \times 100\%$ jika, berhubung dengan suatu institusi anggota, A adalah pinjaman tidak berbayar bersih, dan B adalah modal asas	$\leq 20\%$ $> 20\%$ tetapi $\leq 40\%$ $> 40\%$ tetapi $\leq 60\%$ $> 60\%$	5 3 1 0
Nisbah pinjaman tidak berbayar kasar dan pinjaman tertunggak terhadap pinjaman kasar	$\frac{A + B}{C} \times 100\%$ jika, berhubung dengan suatu institusi anggota, A adalah purata pinjaman tidak berbayar kasar, dan B adalah purata pinjaman tertunggak bagi tempoh 60 hari hingga 89 hari, dan C adalah purata pinjaman kasar	$\leq 6\%$ $> 6\%$ tetapi $\leq 12\%$ $> 12\%$	5 3 1
Nisbah agregat penumpuan aset mengikut sektor	$\frac{A}{B} \times 100\%$ jika, berhubung dengan suatu institusi anggota, A adalah jumlah segala pinjaman kepada sektor yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia atau Perbadanan, yang setiap pinjamannya melebihi 40% daripada modal asas, dan B adalah modal asas	(Rujuk kepada perenggan 5)	(Rujuk kepada perenggan 5)
Nisbah penumpuan aset harta kediaman	$\frac{A}{B} \times 100\%$ jika, berhubung dengan suatu institusi anggota, A adalah pinjaman kepada pembelian harta kediaman, dan B adalah modal asas	(Rujuk kepada perenggan 5)	(Rujuk kepada perenggan 5)
Nisbah aset berwajaran risiko terhadap jumlah aset	$\frac{A}{B} \times 100\%$ jika, berhubung dengan suatu institusi anggota, A adalah aset berwajaran risiko, dan B adalah jumlah aset	(Rujuk kepada perenggan 6)	(Rujuk kepada perenggan 6)

<i>Nisbah</i>	<i>Formula</i>	<i>Julat hasil</i>	<i>Markah</i>
(1)	(2)	(3)	(4)
Nisbah jumlah pertumbuhan aset	$\frac{A}{B} \times 100\%$ jika, berhubung dengan suatu institusi anggota, A adalah purata jumlah aset bagi tiga tahun sebelum tahun taksiran, dan B adalah purata jumlah aset bagi tiga tahun sebelum tahun taksiran	(Rujuk kepada perenggan 6)	(Rujuk kepada perenggan 6)

Julat hasil dan pemarkahan bagi nisbah agregat penumpuan aset mengikut sektor dan nisbah penumpuan aset harta kediaman

5. Jika nisbah agregat penumpuan aset mengikut sektor suatu institusi anggota yang dihitung di bawah perenggan 4 termasuk dalam julat hasil yang dinyatakan dalam ruang (1), dan nisbah penumpuan aset harta kediaman yang dihitung di bawah perenggan 4 termasuk dalam julat hasil yang dinyatakan dalam ruang (2), gabungan pemarkahan yang diberi kepada kedua-dua nisbah itu hendaklah yang bersesuaian dengan markah yang dinyatakan dalam ruang (3), seperti yang berikut:

<i>Nisbah agregat penumpuan aset mengikut sektor</i>	<i>Nisbah penumpuan aset harta kediaman</i>	<i>Markah</i>
(1)	(2)	(3)
< 150%	< 240%	5
< 150%	≥ 240%	4
≥ 150% tetapi < 300%	< 240%	3
≥ 150% tetapi < 300%	≥ 240%	2
≥ 300%	< 240%	1
≥ 300%	≥ 240%	0

Julat hasil dan pemarkahan untuk nisbah aset berwajaran risiko terhadap jumlah aset dan nisbah jumlah pertumbuhan aset

6. Jika nisbah aset berwajaran risiko terhadap jumlah aset suatu institusi anggota yang dihitung di bawah perenggan 4 termasuk dalam julat hasil yang dinyatakan dalam ruang (1), dan nisbah jumlah pertumbuhan aset yang dikira di bawah perenggan 4 termasuk dalam julat hasil yang dinyatakan dalam ruang (2), gabungan pemarkahan yang diberikan kepada kedua-dua nisbah itu hendaklah yang bersesuaian dengan markah yang dinyatakan dalam ruang (3), seperti yang berikut:

<i>Nisbah aset berwajaran risiko terhadap jumlah aset</i>	<i>Nisbah jumlah pertumbuhan aset</i>	<i>Markah</i>
(1)	(2)	(3)
< 70%	< 20%	5
< 70%	≥ 20%	3
≥ 70%	< 20%	1
≥ 70%	≥ 20%	0

Kriteria kualitatif

7. Kriteria kualitatif bagi suatu institusi anggota hendaklah mengambil kira faktor yang berikut:

- (a) taraf pengawasan institusi anggota;
- (b) apa-apa tindakan yang diambil oleh mana-mana pihak berkuasa yang mengawal atau pihak berkuasa yang lain terhadap suatu institusi anggota atau apa-apa perbadanan yang berkaitan dengan institusi anggota termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa notis, perintah atau arahan berkaitan dengan apa-apa kekurangan atau ketidakpatuhan berkenaan dengan institusi anggota atau perbadanan itu, suatu surat amaran, atau apa-apa kehendak atau arahan untuk mengeluarkan suatu surat aku janji atau komitmen atau suatu resolusi lembaga pengarah;
- (c) apa-apa pelan pembetulan atau tindakan institusi anggota atau perbadanan untuk menangani tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa di bawah subperenggan (b) termasuk tetapi tidak terhad kepada laporan kemajuan pelaksanaan terma surat aku janji atau komitmen atau resolusi lembaga pengarah oleh institusi anggota itu;
- (d) apa-apa perkadaran atau pentaksiran suatu institusi anggota oleh mana-mana agensi penarafan sama ada berhubung dengan kedudukan kredit institusi anggota atau keadaan kewangannya atau selainnya;
- (e) sama ada suatu institusi anggota telah atau sedang menerima apa-apa bentuk bantuan daripada Bank Negara Malaysia atau Perbadanan, sama ada bantuan itu berbentuk bantuan kewangan atau selainnya; dan
- (f) apa-apa maklumat lain yang diberikan kepada Perbadanan atau yang sampai ke perhatian Perbadanan mengenai suatu institusi anggota atau mana-mana perbadanan yang berkaitan dengan institusi anggota itu yang boleh mengancam atau memberi kesan terhadap keadaan kewangan, keselamatan, kekukuhan atau daya maju institusi anggota.

Maklumat untuk pentaksiran kriteria kualitatif

8. Bagi setiap tahun taksiran, Perbadanan hendaklah mentaksir dan memutuskan pemarkahan bagi suatu institusi anggota berkenaan dengan kriteria kualitatif, berdasarkan maklumat yang berkaitan yang ada pada Perbadanan setakat—

- (a) 31 Disember tahun taksiran sebelumnya; atau
- (b) apa-apa tempoh lain sebagaimana yang disifatkan perlu atau suai manfaat oleh Perbadanan.

Pemarkahan bagi taraf pengawasan

9. Jika taraf pengawasan suatu institusi anggota adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1), pemarkahan yang diberi taraf pengawasan hendaklah yang bersetentangan dengan pemarkahan yang dinyatakan dalam ruang (2), seperti yang berikut:

<i>Taraf pengawasan</i> (1)	<i>Markah</i> (2)
Penarafan 1 atau rendah atau yang setara	35
Penarafan 2 atau sederhana atau yang setara	28
Penarafan 3 atau lebih daripada sederhana atau yang setara	14
Penarafan 4 atau tinggi atau yang setara	0

Pemarkahan bagi faktor kualitatif selain taraf pengawasan

10. Perbadanan hendaklah mentaksir maklumat yang berkaitan dengan sesuatu institusi anggota di bawah perenggan 7, selain taraf pengawasan institusi anggota itu, bagi membuat taksiran terhadap maklumat itu sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1), dan pemarkahan yang diberi kepada taksiran itu hendaklah yang bersetentangan dengan pemarkahan yang dinyatakan dalam ruang (2), seperti yang berikut:

<i>Taksiran Maklumat</i>	<i>Markah</i>
(1)	(2)
Setakat 30 April suatu tahun taksiran, tiada maklumat telah sampai ke perhatian Perbadanan mengenai apa-apa keadaan yang merupakan suatu ancaman atau memberi kesan material terhadap keadaan kewangan, keselamatan, kekukuhan atau daya maju suatu institusi anggota	5
Setakat 30 April suatu tahun taksiran, ada maklumat telah sampai ke perhatian Perbadanan mengenai keadaan yang merupakan suatu ancaman atau boleh memberi kesan material terhadap keadaan kewangan, keselamatan, kekukuhan atau daya maju suatu institusi anggota	3
Setakat 30 April suatu tahun taksiran, ada maklumat telah sampai ke perhatian Perbadanan mengenai keadaan yang memberi kesan material terhadap keadaan kewangan, keselamatan, kekukuhan atau daya maju suatu institusi anggota	0

Pemarkahan maksimum di bawah sistem premium berbeza

11. (1) Pemarkahan maksimum bagi kriteria kuantitatif, kriteria kualitatif dan faktor masing-masing adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1), seperti yang berikut:

	<i>Markah maksimum</i>	
	(1)	
Kriteria kuantitatif	-	60
Modal:	-	20
Nisbah modal berwajaran risiko	10	-
Nisbah modal teras	10	-
Keuntungan:	-	15
Pulangan atas aset berwajaran risiko	8	-
Min volatiliti pulangan yang dilaraskan	7	-
Kecekapan:	-	5
Nisbah keefisienan	5	-
Kualiti aset:	-	10
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih terhadap modal asas	5	-
Nisbah pinjaman tidak berbayar kasar dan pinjaman tertunggak terhadap pinjaman kasar	5	-
Penumpuan aset:	-	5
Nisbah agregat penumpuan aset mengikut sektor dan nisbah penumpuan aset harta kediaman	5	-
Pertumbuhan aset:	-	5
Nisbah aset berwajaran risiko terhadap jumlah aset dan nisbah jumlah pertumbuhan aset	5	-

	<i>Markah maksimum</i>	
	(1)	
Kriteria kualitatif	-	40
Taraf pengawasan	-	35
Faktor kualitatif lain di bawah perenggan 7	-	5
Jumlah pemarkahan kriteria	-	100

(2) Jumlah pemarkahan kriteria suatu institusi anggota bagi suatu tahun taksiran adalah jumlah pemarkahan untuk kriteria kuantitatif menurut perenggan 4, 5 dan 6 dan pemarkahan bagi kriteria kualitatif menurut perenggan 9 dan 10 berkenaan dengan institusi anggota itu bagi tahun taksiran itu.

Kategori premium

12. Jika jumlah pemarkahan kriteria suatu institusi anggota bagi suatu tahun taksiran termasuk dalam julat yang dinyatakan dalam ruang (1), kategori premium yang institusi anggota itu dikelaskan bagi tahun taksiran itu hendaklah yang bersesuaian dengan kategori premium yang dinyatakan dalam ruang (2), seperti yang berikut:

<i>Jumlah pemarkahan kriteria</i>	<i>Kategori premium</i>
(1)	(2)
≥ 85	1
≥ 65 tetapi < 85	2
≥ 50 tetapi < 65	3
< 50	4

Maklumat kuantitatif tidak cukup

13. Berkenaan dengan suatu institusi anggota yang maklumat kuantitatifnya tidak cukup bagi maksud menghitung satu atau lebih nisbah bagi suatu tahun taksiran, pemarkahan nisbah itu atau gabungan pemarkahan semua nisbah itu dalam tahun taksiran itu hendaklah diputuskan mengikut formula seperti yang berikut:

$$\frac{A}{(60-B)} \times B$$

jika, A adalah jumlah pemarkahan kesemua nisbah yang mempunyai maklumat kuantitatif bagi tahun taksiran itu; dan

B adalah pemarkahan maksimum bagi satu nisbah itu atau jumlah pemarkahan maksimum bagi semua nisbah yang tidak mempunyai maklumat kuantitatif bagi tahun taksiran itu.

Institusi anggota digabung dan anggota institusi bergabung

14. (1) Bagi maksud perenggan 15 dan 16, sebutan mengenai suatu tahun taksiran adalah sebutan mengenai satu tahun taksiran sahaja sebaik selepas pembentukan suatu institusi anggota digabung.

(2) Bagi maksud perenggan 15 dan 16, “institusi anggota digabung” ertinya suatu institusi anggota yang terbentuk daripada pemerolehan satu institusi anggota oleh institusi anggota lain atau penyatuan dua atau lebih institusi anggota pada bila-bila masa dari 1 Jun tahun taksiran sebelumnya hingga 31 Mei suatu tahun taksiran;

(3) Bagi maksud perenggan 16, “institusi anggota yang bergabung” ertinya salah satu daripada institusi anggota yang berikut yang terlibat dalam suatu penggabungan atau penyatuan:

- (a) suatu institusi anggota yang memperoleh institusi anggota lain;
- (b) suatu institusi anggota yang diperoleh oleh institusi anggota lain; atau
- (c) suatu institusi anggota yang terlibat dalam penyatuan dua atau lebih institusi anggota,

dan institusi anggota itu mendapat jumlah pemarkahan kriteria yang paling tinggi bagi tahun taksiran yang disebut dalam subperenggan (1).

15. Berkenaan dengan suatu tahun taksiran bila mana suatu institusi anggota digabung terbentuk pada atau sebelum 31 Disember tahun taksiran sebelumnya—

- (a) penghitungan setiap nisbah hendaklah berdasarkan maklumat kewangan institusi anggota digabung itu setakat 31 Disember tahun taksiran sebelumnya; dan
- (b) pemarkahan institusi anggota digabung itu bagi kriteria kualitatif hendaklah berdasarkan taraf pengawasan dan maklumat lain yang berkaitan mengenai institusi anggota digabung itu menurut perenggan 7, setakat 31 Disember tahun taksiran sebelumnya atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang disifatkan perlu atau suai manfaat oleh Perbadanan.

16. Berkenaan dengan suatu tahun taksiran bila mana suatu institusi anggota digabung terbentuk selepas 31 Disember tahun taksiran sebelumnya—

- (a) penghitungan setiap nisbah hendaklah berdasarkan maklumat kewangan institusi anggota yang bergabung itu setakat 31 Disember tahun taksiran sebelumnya; dan
